

P E R P U S T A K A A N   N E G A R A   M A L A Y S I A



# T R A N S F O R M A S I M I N D A

**TRANSFORMATION OF MIND**

N A T I O N A L   L I B R A R Y   O F   M A L A Y S I A

## Lokasi

Perpustakan Negara Malaysia (PNM) terletak di 232 Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. PNM terbahagi kepada dua (2) blok iaitu Anjung Bestari dan Menara PNM yang dibina di kawasan seluas lima (5) ekar bersebelahan Wisma Bernama dan berhadapan dengan Institut Jantung Negara.

## Rekabentuk Seni Bina

Konsep seni bina bangunan berasaskan bentuk tengkolok yang melambangkan pencapaian intelektual dan menjadi kebanggaan identiti dan warisan budaya Melayu.

Bentuk tengkolok melambangkan aspirasi negara menjana ketinggian pemikiran dan daya intelek serta nilai-nilai murni masyarakat Malaysia di persada dunia.

Gabungan tiga bumbung yang berbentuk tengkolok bercantum di halaman Laman Ilmu

## Location

The National Library of Malaysia (NLM) is located at 232, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. It comprises two (2) blocks, Anjung Bestari and PNM Tower, and built on a five hectare site adjacent to Wisma Bernama and opposite the National Heart Institute.

## Architectural Design

The architectural concepts of the building are shaped by the shape of a tengkolok (the traditional Malay head gear) symbolizing intellectual achievement and the pride of the Malay identity and heritage.

The tengkolok symbolises the nation's aspiration to project the high-level intellectual prowess as well as the intrinsic values of Malaysia society to the world.

A combination of three roofed tengkolok-shaped joined at the courtyard, Laman Ilmu





menggambarkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum. Susunan jibin bumbungnya menghasilkan corak songket yang menjadi warisan dan seni Malaysia.

Konsep minda mempengaruhi reka bentuk seni bina dalaman. Suasana ruang terbuka luas menggalakkan pengguna melangkah masuk ke setiap ruang perpustakaan. Suasana ruang melambangkan gerakan fakulti intelek yang terbuka luas. *Skylight* yang terdapat di puncak bumbung mengilhamkan pencapaian ilmu yang luas. Ruang menegak yang luas terbentuk di antara lima tiang atrium.

### **Kemudahan**

PNM menyediakan kemudahan seperti auditorium, bilik perbincangan, bilik tayangan, bilik serbaguna, kafetaria, surau dan parkir kenderaan untuk keselesaan pengguna.

*Garden of Knowledge, symbolises the unity of the multi-ethnic society of Malaysia. The roof tiles-meanwhile, are arranged in the pattern of a songket which is part of the rich cultural heritage of Malaysia.*

*The interior design of the building is influenced by the mind concept. The wide spaces in the library attract users to experience every corner of the library. This spacious environment symbolizes the intellectual faculty movement that is widely open. The roof skylight inspires knowledge acquisitions. There are also wide vertical spaces in between its atrium masts.*

### **Facilities**

*NLM provides various facilities including an auditorium, conference room, viewing room, multi-purpose room, cafeteria, prayer rooms and parking areas for the convenience of visitors.*



### Pendaftaran

PNM dibuka kepada orang ramai dan perkhidmatan yang disediakan adalah percuma. Setiap individu yang hendak menggunakan perkhidmatan pinjaman mestilah berdaftar sebagai ahli. PNM menyediakan pendaftaran ahli secara atas talian melalui laman sesawang [www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)

Keahlian adalah percuma dan sah untuk tempoh tiga tahun.

### Kategori

Kanak-kanak

12 tahun dan ke bawah

Dewasa

13 tahun dan ke atas

### Proses Pendaftaran

Dokumen yang diperlukan semasa pendaftaran:

- MyKad bagi 12 tahun dan ke atas
- Salinan sijil kelahiran/MyKid bagi 12 tahun dan ke bawah atau
- Satu salinan passport bagi bukan warganegara.

### Registration

NLM is open to the public and the library services is provided free. However, every individual who wants to borrow books must register as a member. NLM also allows online registration via its website [www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)

Membership is free and is valid for a period of three years.

### Categories

Children

12 years and below

Adult

13 years and above

### Registration Procedure

Documents required for registration:

- MyKad for those aged 12 and above
- Copy of birth certificate/MyKid for children aged 12 and below
- Copy of passport for foreign nationals.


# PERKHIDMATAN PNM

## NATIONAL LIBRARY SERVICES

PNM menyediakan perkhidmatan rujukan dan perujukan, pinjaman kepada orang ramai, perkhidmatan digital dan perkhidmatan kepada penerbit.

### Perkhidmatan Rujukan

PNM menyediakan koleksi perpustakaan yang boleh dirujuk oleh pembaca. Koleksi terdiri daripada buku, majalah, jurnal, surat khabar dan bahan elektronik terbitan Malaysia dan luar negara.



Koleksi perpustakaan meliputi bidang perkara:

- Karya Am
- Falsafah dan Fahaman yang berkaitan
- Agama
- Sains Kemasyarakatan
- Bahasa
- Sains Tulen
- Sains Gunaan

*NLM provides reference and referral services, lending services, digital services and service to publishers.*

### Reference Services

*NLM provides reference services to readers. The collections comprise of books, magazines, journals newspaper and electronic publications from local and international.*

*The Library's collection encompasses the following fields:*

- General Works
- Philosophy and Related Thoughts
- Religion
- Social Science
- Language
- Pure Science
- Applied Science

- Kesenian
- Kesusasteraan
- Geografi dan Sejarah Am

- Arts
- Literature
- Geography and General History

### **Perkhidmatan Pinjaman**

PNM menyediakan perkhidmatan pinjaman bagi koleksi kanak-kanak dan dewasa. Pinjaman dibenarkan kepada ahli berdaftar sahaja.

### **Perkhidmatan Kepada Penerbit**

PNM adalah Pusat Kebangsaan bagi pengeluaran nombor ISBN/ISSN dan Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) di Malaysia.

### **Sistem Katalog Atas Talian (SKAT)**

SKAT boleh diakses melalui ([opac.pnm.gov.my](http://opac.pnm.gov.my)). Ini adalah katalog atas talian yang digunakan untuk mencari bahan dalam koleksi perpustakaan. Ia mengandungi maklumat seperti nombor panggilan, lokasi bahan, status pinjaman dan lain-lain.

### **Lending Services**


*NLM provides lending services for the children's and adult's collections. Lending is for members only.*


### **Service for Publishers**

*NLM is the coordinating body for the ISBN/ISSN and the Publication Delivery System in Malaysia.*

### **Online Public Access Catalogue (OPAC)**

*OPAC can be accessible through ([opac.pnm.gov.my](http://opac.pnm.gov.my)). This is an online catalogue used to search for materials in the library's collection. It contains information such as the call number, location of the collection, loan status and etc.*





### International Standard Book Number (ISBN & e-ISBN)

Nombor ISBN ialah nombor unik untuk mengenal pasti judul buku dan penerbit bagi sesebuah negara. Perkhidmatan ini disediakan secara percuma.

### International Standard Serial Number (ISSN & e-ISSN)

Nombor ISSN ialah nombor unik bagi mengenal pasti penerbitan bahan berkala (bersiri) seperti majalah dan surat khabar yang diterbitkan di sesebuah negara.

Perkhidmatan ini disediakan secara percuma.

### Pengkatalogan Dalam Penerbitan (PDP)

PDP merupakan perkhidmatan pengeluaran data entri katalog (nama pengarang, judul buku, nombor ISBN/ISSN dan bidang perkara utama) yang diberikan kepada penerbit di Malaysia sebelum sesuatu judul diterbitkan. Perkhidmatan ini disediakan secara percuma kepada penerbit.

### International Standard Book Number (ISBN & e-ISBN)

*The ISBN is a unique number that identifies the title of a book and its publishers in a particular country. The service is provided free.*

### International Standard Serial Number (ISSN & e-ISSN)

*The ISSN is a unique number that identifies serial publications such as magazines and newspaper published in a particular country.*

*The service is provided free.*

### Cataloguing in Publication (CIP)

*CIP is basic cataloguing of data for a work in advance of publication. The data comprises the name of the author, title of the work, ISBN/ISSN and subject. This service is provided free for the publishers.*

## Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)

SPP membolehkan perkongsian sumber perpustakaan dalam kalangan ahli yang menyertai bekalan penerbitan dalam bentuk asal atau salinan untuk meningkatkan akses kepada maklumat bagi tujuan pengajian, pengajaran dan penyelidikan untuk pengguna dalam dan luar negara.

## Pinjaman Berkelompok

Perkhidmatan Pinjaman Berkelompok adalah perkhidmatan pinjaman sebanyak 400 buah buku bagi tempoh tiga (3) bulan kepada institusi yang berdaftar sebagai ahli PNM. Pendaftaran keahlian adalah percuma.

## Penasihat Pembaca

Perkhidmatan ini meliputi menjawab pertanyaan rujukan yang diterima di Kaunter Penasihat Pembaca secara bersemuka, menerusi telefon, faks, surat dan e-mel.

## Publication Delivery System

The Publication Delivery System allows for resource sharing among participating members who lend the publications either in their original form or copies. These enhance access to information for the purpose of study, teaching and research among users in and outside the country.

## Bulk Lending

Bulk lending is a service whereby 400 books are loaned out for a period of four months to institutions that are registered as members with the National Library. Registration is free.

## Readers Advisory Service

This service provides information to enquiries received at the Readers Advisory Counter. Enquiries are received in person or through telephone calls, facsimile, letters or e-mail.





### Pendokumentasian

PNM mengatalog, mengelas dan menyimpan rekod bahan bacaan di dalam pangkalan data.

Di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) rekod bibliografi setiap bahan yang diterima akan diwujudkan dan diterbitkan secara atas talian.

Pencarian bahan boleh dicapai melalui Sistem Katalog Atas Talian (SKAT) PNM di [www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my) atau Katalog Induk Kebangsaan (KIK) melalui [kik.pnm.my](http://kik.pnm.my)

Pengindeksan judul-judul terpilih majalah Malaysia juga disediakan.

### Pemeliharaan Koleksi Perpustakaan

Bahagian Pemeliharaan bertanggungjawab melaksanakan program dan aktiviti pemuliharaan koleksi Perpustakaan selaras dengan peruntukan Bahagian II, Seksyen 3(a) Akta 80, Akta Perpustakaan Negara 1972 (Pindaan) 1987. Proses pemuliharaan

### Documentation

*NLM cataloguing, classifying and storing records of reading materials in its database.*

*Under the Deposit of Library Material Act 1986 (Act 331), Bibliographic record of each material received will be created and published online.*

*Library materials can be searched through the Online Public Access Catalogue (OPAC) via NLM website [www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my) or through the National Union Catalogue via <http://kik.pnm.my>.*

*Indexes of selected Malaysia magazine titles are also available.*

### Preservation of Library Collection

*Preservation Division is responsible in performing programs and activity on conservation of library collection which is correspondence to Part II, Section 3(a) Act 80; National Library Act 1972 (amendments) 1987. Conservation of library collection being*

koleksi perpustakaan dilakukan menerusi kaedah pengawetan, restorasi dan penjilidan mengikut amalan terbaik antarabangsa bagi memastikan warisan intelek negara dipelihara secara terancang untuk kegunaan dan rujukan masa kini dan akan datang.

Unit Pemuliharaan Manuskrip, Unit Pemuliharaan Koleksi Nadir / Persendirian, Unit Penjilidan dan satu pasukan pemantauan ruang simpanan koleksi diwujudkan bagi memantau, memeriksa dan memberi khidmat nasihat dalam hal-hal yang berkaitan kawalan suhu dan kelembapan di semua ruang simpanan koleksi perpustakaan.

#### **Khidmat Nasihat dan Perundingan**

PNM menyediakan khidmat nasihat dan perundingan kepada kementerian/jabatan/institusi kerajaan, badan berkanun, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan yang merancang untuk menubuhkan perpustakaan baharu atau menaik taraf sistem perkhidmatan perpustakaan sedia ada.

Perkhidmatan ini meliputi aspek-aspek berikut:

- Perancangan untuk penubuhan perpustakaan baharu;
- Pembinaan koleksi dan pendokumentasian,
- Perkhidmatan perpustakaan; dan
- Sistem Perpustakaan Bersepadu

*done through preservation, restoration and binding process according to the International best practice to ensures the national intellectual heritage are being preserve accordingly for current and future reference and usage.*

*Unit of Conservation of Manuscript, Conservation of Rare / Personal Collection and Binding of Library Collection and a special team is formed to monitor, examine and advise all matters that are related to the temperature and humidity control to all library collection storage.*

#### **Advisory and Consultation Services**

*NLM provides advisory and consultation services to government departments, statutory bodies, private companies and non-governmental organizations (NGOs) that planning to set up a new library or improving their current library services and system.*

*The services covers the following aspects:*

- *Overall planning for the setting up of a new library;*
- *Collection development and documentation;*
- *Library services; and*
- *Integrated Library System*

# ANJUNG BESTARI

## Aras Bawah

### Perpustakaan Kanak-Kanak

Perpustakaan Kanak-Kanak terletak di Anjung Bestari, Aras Bawah. Perkhidmatan yang disediakan kepada pengunjung antaranya:



### Pinjaman Koleksi Kanak-Kanak

Perkhidmatan Pinjaman Kanak-Kanak disediakan kepada kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah. Seorang ahli perpustakaan dibenarkan meminjam enam (6) naskhah buku selama empat (4) minggu.

### Pusat Hipermédia Kanak-kanak

Perkhidmatan yang disediakan adalah Sudut Komputer, Sudut Muzik dan Sudut Cerita.

## Ground Floor

### Children Library

*The Children's Library is located on the Ground Level of Anjung Bestari. Services/facilities for library users here include:*

### Children's Collection Lending

*Lending is allowed for children aged 12 and below who are registered as members. Each member is allowed to borrow six (6) books for a period of four (4) weeks.*

### Children's Hypermedia Centre

*Facilities provided here include a Computer Corner, Music Corner and a Story-telling Corner.*

## **Teateret Kanak-kanak**

Ruang aktiviti dengan keluasan 1,012 kps dan boleh memuatkan 150 orang bagi satu sesi. Kemudahan ini boleh disewa mengikut kadar dan peraturan yang ditetapkan oleh PNM.

## **Gelongsor Buku**

Perkhidmatan gelongsor buku disediakan bagi memudahkan pengguna membuat pemulangan buku secara layan diri selain menggunakan perkhidmatan melalui kaunter. Lokasi gelongsor buku terletak di ruang parkir VIP, di hadapan Perpustakaan Kanak-kanak dan Wisma Sejarah.

## **Kiosk Layan Diri**

Kiosk ini disediakan bagi memudahkan pengguna membuat peminjaman buku secara layan diri. Perkhidmatan ini tertakluk kepada waktu perkhidmatan perpustakaan sahaja.



## **Children's Theatrette**

*This is an activity room with a space of 1,012 square feet and can accommodate 150 persons per session. This facility can be rented according to the rates and terms set by NLM*


## **Book Drop**

*This self-service facility is to facilitate the returning of books, as an alternative option to counter service. Book drop is located in the VIP parking space, in front of the Children's Library and Wisma Sejarah.*

## **Self-Check Kiosk**

*Self-check kiosk service is to ease the borrowing of books for the user on a self-service basis. This service is subject to library service hours only.*





### Sudut Maklumat Orang Kurang Upaya (OKU)

Perkhidmatan ini dibuka kepada orang ramai pada setiap hari Selasa hingga Jumaat jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang.

Bahan bacaan dan maklumat yang disediakan terdiri daripada bahan bercetak dalam tulisan besar, bahan digital, bahan audio terakam, buku audio yang boleh diakses melalui Overdrive dan EBSCO Host ([www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my)) serta kad pembelajaran. Dua buah komputer yang dipasang dengan perisian JAWS (Job Access With Speech) bagi mengakses maklumat secara dalam talian dengan mudah.

Pengangkutan juga disediakan dari Stesen LRT / monorel Titiwangsa ke premis PNM (perkhidmatan pergi dan balik) pada hari Sabtu, minggu kedua, setiap bulan.

#### Kemudahan:

Tandas, Bilik Bagasi, Kafetaria, Surau dan Vending Machine

### Special Needs Information Corner

*This service is open to public from Tuesday to Friday at 10.00 am to 5.00 pm.*

*All collection such as braille books, digital collections, audio materials, audio books and flash cards can be access via Overdrive and Ebs (u-Pustaka).*

*Two computers with JAWS (Job Access With Speech) applications are provided for users to easy access information.*

*Transportation from LRT/ Monorail Titiwangsa to NLM also been provided every second week of Saturday every month.*

#### Facilities:

*Toilet, Lockers, Prayer Room, Cafeteria, Vending Machine.*



## Aras 1

### Kaunter Penerangan dan Pendaftaran Keahlian

Orang ramai boleh mendaftar keahlian PNM secara atas talian melalui laman web <http://www.pnm.gov.my> atau datang ke kaunter pendaftaran di Aras 1.

### Perpustakaan BESTARI Samsung (SSL)

Perpustakaan Bestari Samsung memberi pengalaman akses secara digital melalui pembacaan dan pembelajaran menggunakan peranti Samsung dengan aplikasi yang direka khas.

Perpustakaan Bestari Samsung menyediakan 4 Zon kepada pengguna iaitu Zon Pembaca yang dilengkapi dengan 32 tablet, Zon Interaktif yang dilengkapi dengan 4 tablet terkini dan 2 LFD, Zon Kerja yang dilengkapi dengan 7 komputer riba dan 4 Komputer jenis All In One (AIO) dan Zon Kanak-Kanak





## **Level 1**

### ***Information and Member's Registration Counter***

*The public can register as members either online via <http://www.pnm.gov.my> or in person at the Registration Counter.*

### ***SAMSUNG SMART Library (SSL)***

*Samsung Smart Library provides a digital access experience through reading and learning using Samsung devices with specially designed applications.*

*Samsung's Bestari Library provides 4 zones to users, namely Reader Zone equipped with 32 tablets, Interactive Zone equipped with the latest 4 tablets and 2 LFDs, Work Zones equipped with 7 laptops and 4 All In One*

yang dilengkapi dengan 15 tablet terkini. Di samping itu, terdapat kemudahan peralatan di ruang Perpustakaan Bestari Samsung untuk kemudahan pengguna iaitu direktori yang dilengkapi dengan 2 LFD dan kaunter perkhidmatan yang dilengkapi dengan 1 Komputer jenis All In One (AIO).

### **Perkhidmatan Buku Augmented Reality (AR)**

Perkhidmatan Buku Augmented Reality (AR) iaitu teknologi 3D disediakan dan boleh diakses di Perpustakaan Bestari Samsung (SSL) secara percuma.

### **Bilik Serbaguna**

Bilik Serbaguna boleh disewa tertakluk kepada kadar dan peraturan.

*Computer Aesthetic (AIO) Kids equipped with the latest 15 tablets. In addition, there is a facility in the Samsung Smart Library room for convenience of users, which is a directory equipped with 2 LFDs and Service counter equipped with 1 Computer All-In One Desktop (AIO).*

### **Augmented Reality Book**

*The Augmented Reality Book Service (AR) is a 3D technology that is available and can be accessed at the Samsung Smart Library (SSL) for free.*

### **Multi-purpose Room**

*This multi-purpose room can be rented according to the rates and terms.*



## **Dewan Pameran**

Ruang Pameran dengan keluasan 4,531 kps untuk pameran. Ruang ini boleh disewa tertakluk kepada kadar dan peraturan.

## **Ruang Santai**

Ruang ini menyediakan perbincangan secara santai dan perkhidmatan internet secara percuma.

### **Kemudahan:**

Tandas VIP, Bilik Media, Lif, Ruang Menunggu, WiFi.

## **Perkhidmatan Perpustakaan Digital (u-Pustaka)**

Inisiatif digital u-Pustaka dipacu menerusi tujuh (7) komponen iaitu prasarana jalur lebar; Portal u-Pustaka; perkhidmatan pinjaman secara terus menerusi pengintegrasian Sistem Pengurusan Perpustakaan dan teknologi RFID; saluran penghantaran buku melalui Pos Malaysia; pembayaran tanpa tunai serta akses kepada kandungan tempatan dan antarabangsa dalam bentuk fizikal dan digital. Portal u-Pustaka boleh diakses di [www.u-library.gov.my/](http://www.u-library.gov.my/) [www.u-pustaka.gov.my/](http://www.u-pustaka.gov.my/).

Kejayaan u-Pustaka tidak diragukan lagi kerana mempunyai impak kepada transformasi komuniti bandar dan luar bandar yang berkemahiran dalam penggunaan teknologi dan maklumat.

## **Exhibition Hall**

*Covering an area of 4,531 square feet, the exhibitions and to display the National Library's publications. This hall space can also be rented according to the rates and terms.*

## **Discussion Area**

*Provide free internet access.*

## **Facilities:**

*VIP Toilet, Media Room, Lift, Lounge Area, WiFi.*

## **Digital Library Service (u-Pustaka)**

*The u-Pustaka digital initiative is driven through seven (7) components namely broadband infrastructure; U-Library Portal; direct loan service through the integration of Library Management System and RFID technology; book delivery channel through Pos Malaysia; cashless payments and access to local and international content in both physical and digital form. The u-Library Portal can be accessed at [www.u-library.gov.my/](http://www.u-library.gov.my/) [www.u-pustaka.gov.my/](http://www.u-pustaka.gov.my/).*

*The success of u-Pustaka is undoubtedly because it has an impact on the transformation of urban and rural communities who are skilled in the use of technology and information.*

## **Aras 2 – Blok Tengah**

### **Zon Siber**

Menyediakan perkhidmatan internet dan pangkalan data kepada semua pengguna perpustakaan secara percuma.

### **Koleksi Maklumat Perniagaan**

Koleksi ini menyediakan bahan rujukan terbitan luar negara berkaitan perniagaan dan perdagangan.

### **Auditorium**

Disediakan untuk mengadakan majlis rasmi seperti persidangan, seminar dan latihan. Ruang boleh disewa tertakluk kepada kadar dan peraturan.

### **Kemudahan:**

Bilik menunggu, Tandas dan Lif.



## **Level 2 – Central Block**

### **Cyber Zone**

*Provides free internet access and databases to all library users.*

### **Business Information Collection**

*This collection provides foreign trade-related reference materials related to trade and commerce.*

### **Auditorium**

*This is available for official functions such as conferences, seminars and training. It can be rented according to the rates and terms set by the National Library.*

### **Facilities:**

*Loungue Area, Toilets, Lifts.*



## **Aras 3 – Blok Tengah**

### **Koleksi Monograf Umum**

Koleksi ini merupakan bahan terbitan luar negara seperti buku, direktori, buku panduan, atlas, almanak dan lain-lain daripada pelbagai bidang perkara untuk rujukan pengguna.

#### **Kemudahan:**

Bilik Diskusi (Karel), Perkhidmatan Fotokopi



## **LEVEL 3 – Central Block**

### **General Monograph Collection**

*This collection comprises foreign publication such as books, directories, guides, atlas, almanacs and other materials covering various topics and is available for reference purposes.*

#### **Facilities:**

*Discussion Room (Carrel) and Photocopy Services*



## **Aras 4 – Blok Tengah**

### **Koleksi Terbitan Bersiri Umum**

Koleksi yang disediakan adalah seperti majalah, jurnal, buku panduan dan surat khabar luar negara.

## **LEVEL 4 – Central Block**

### **General Serial Publications Collection**

*This collection comprises magazines, journals, guide books and foreign newspapers.*



### Koleksi Harvard

Koleksi ini dibangunkan dengan kerjasama Kelab Alumni Harvard Malaysia sejak tahun 2000. Bahan yang terdapat dalam koleksi ini terdiri daripada buku dan terbitan bersiri dalam bidang perniagaan dan pengurusan. Koleksi ini diterbitkan oleh *Harvard University Press*, *Harvard Business School* dan *Harvard Business Publishing*.

### Koleksi Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

PNM merupakan Pusat Penyerahan Terbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu semenjak tahun 1976. Bahan terbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pelbagai agensi di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu seperti IAEA, ILO, FAO, UNESCO, WHO, World Bank, IFC, IMF, WIFO, UNIDO, GATT yang diperolehi dalam bentuk monograf, laporan tahunan dan terbitan bersiri disediakan untuk rujukan pembaca.

### Harvard Collection

*This collection was set up in collaboration with the Harvard Alumni Club of Malaysia in 2000. The materials available in this collection include books and serial publications on business and commerce. The materials were published by the Harvard University Press, Harvard Business School and Harvard Business Publishing.*

### United Nations Special Collection

*NLM has been the Central Depository for Materials Published by the United Nations since 1976. These materials are publications of UN and its various agencies such as the IAEA, ILO, FAO, UNESCO, WHO, World Bank, IFC, IMF, WIFO, UNIDO and GATT. In the form of monographs, annual reports, and serial publications and are available for reference purposes.*

## Koleksi ASEAN

Koleksi ASEAN (*Association of Southeast Asian Nations*) ini terdiri daripada bahan terbitan ASEAN Secretariat yang mengandungi koleksi mengenai negara-negara Asia Tenggara, yang menganggotai ASEAN seperti Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina, Kemboja, Laos, Myanmar, Brunei Darussalam dan Viet Nam. Koleksi ini merangkumi pelbagai bidang perkara seperti sosial, kebudayaan, ekonomi, politik dan pembangunan warisan negara setiap negara ASEAN.

## Koleksi Sumber Elektronik

Menyediakan bahan-bahan tidak bercetak terbitan tempatan dan luar negara dalam pelbagai bentuk seperti kaset audio, cakera padat, pita video digital dan cakera audio. Koleksi ini tersedia untuk rujukan sahaja.

## ASEAN Collection

The ASEAN (*Association of Southeast Asian Nations*) Collections comprises of materials published by the ASEAN Secretariat and comprises publications on all the group's member countries, namely Malaysia, Singapore, Indonesia, Thailand, Philippines, Cambodia, Laos, Myanmar, Brunei Darussalam and Viet Nam. The collection covers various fields including society, culture, economy, politics, and heritage development in each ASEAN country.

## Electronic Media Collection

This collection comprises non-printed materials both foreign and local in the form of audio cassettes, DVD, digital video tapes and audio disc. This collection are available for reference purposes.



## Pusat Hipermédia

Pusat Hipermédia dilengkapi dengan 30 buah komputer multimedia dan menyediakan perkhidmatan berikut:

- Internet
- eBooks
- Pangkalan data seperti Ebscohost, Lawnet, Emerald Backfiles, E-Law, BLIS, Islamic Finance News dan Lain-lain.
- Audio dan Video on Demand
- Pembelajaran Interaktif

**Kemudahan:** Tandas, Bilik Tayangan dan Lif

## Perkhidmatan Perpustakaan Komuniti

PNM juga menawarkan perpustakaan komuniti di dalam pusat membeli-belah ini untuk menarik perhatian ramai pengunjung yang minat membaca dalam kalangan masyarakat setempat tidak mengira bangsa dan usia. Di samping membeli-belah, masyarakat juga boleh membaca buku, meminjam buku dan mengakses kemudahan internet yang disediakan secara percuma. Lokasi perpustakaan komuniti adalah di Perpustakaan Komuniti Mahkota Cheras, Perpustakaan Komuniti AU2 Setiawangsa dan Perpustakaan Komuniti Mini-UTC Keramat Mall.



## Hypermedia Centre

*The Hypermedia Centre is equipped with 30 multi-media computers and provides the following services:*

- *Internet*
- *eBooks*
- *Databases such as Ebscohost, Lawnet, Emerald Backfiles, E-Law, BLIS, Islamic Finance News and many more*
- *Audio and Video on Demand*
- *Interactive Learning*

**Facilities:** Toilets, Viewing Room, Lifts.

## Community Library Service

*NLM also offers community libraries within this shopping center to attract readers with interest in reading regardless of race and age. In addition to shopping, people can*

*read and borrow books and access the free internet facilities. The location of the community library is at Mahkota Cheras Community Library, AU2 Setiawangsa Community*

*Library and Keramat Mall Mini-UTC Community Library.*

## MENARA PNM PNM TOWER



### Aras 6-10

#### **Koleksi Malaysiana**

Koleksi Malaysiana merangkumi bahan yang diterbitkan di Malaysia atau mengenai Malaysia yang diterbitkan di luar Malaysia atau yang dihasilkan oleh warganegara Malaysia tidak kira bentuk, bahasa, skrip atau tarikh dihasilkan. Koleksi Malaysiana di PNM meliputi bahan bercetak (buku, majalah, surat khabar, laporan tahunan, buku tahunan, buku panduan, jurnal, statistik, warta kerajaan, kertas seminar, kertas persidangan). Bahan Malaysiana tersedia untuk rujukan sahaja.

### Aras 6

#### **Level 6-10**

#### ***Malaysiana Collection***

*The Malaysiana collection consist of materials which are published either in Malaysia or overseas and / or are the work of Malaysians. The materials can be in whatever form, language or script and production date.*

*The Malaysiana Collection in NLM consists of printed materials (books, magazines, newspapers, annual reports, guides, journals, statistics, government gazettes, seminar papers and conference papers). The Malaysiana Collection is available for reference only.*

## **Aras 6**

### **Koleksi Surat Khabar**

Koleksi surat khabar terdapat dalam tiga bentuk iaitu bentuk asal, mikrofis dan mikrofilem. Perkhidmatan ini membolehkan pengguna mengakses surat khabar terbitan kebelakangan atau terbitan yang lepas. PNM mempunyai koleksi surat khabar yang diterbitkan seawal tahun 1883 (*The Straits Times*).



## **Level 6**

### **Newspaper collection**

*The newspaper collection is available in three version, namely hardcopy, microfiche and microfilm. This service allows users to access back edition of the newspapers. NLM maintains a vast collection of newspapers dating back to 1883 (*The Straits Times*).*



## **Aras 8**

### **Koleksi Peta**

Koleksi peta adalah bahan terbitan terperingkat yang boleh dirujuk pengguna dengan kebenaran Penasihat Pembaca tetapi tidak boleh dibuat salinan sama ada menggunakan kaedah elektronik, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Ukur dan Pemetaan Negara.

## **Level 8**

### **Map Collection**

*The topography maps in the collection are highly restricted materials and are only accessible for viewing with the permission of the Reader's Advisor. Copying whether in electronic, mechanical, recording or other forms, is prohibited unless with the written permission of the Director General of the National Survey and Mapping Department.*

## **Aras 9**

### **Koleksi Haram**

Koleksi Haram terdiri daripada bahan yang berciri subversif, lucah, ajaran sesat, dan pelbagai subjek yang melanggar etika dan nilai murni masyarakat Malaysia. Bahan-bahan ini diklasifikasikan sebagai koleksi haram setelah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mewartakan sebagai bahan haram. Bahan ini boleh dirujuk dengan kebenaran bertulis Kementerian Dalam Negeri.

### **Koleksi Sulit**

Koleksi ini merupakan terbitan agensi kerajaan, pihak swasta dan organisasi-organisasi lain yang tidak diedarkan kepada orang ramai. Bahan ini boleh dirujuk dengan kebenaran bertulis dari organisasi penerbitan berkenaan.

### **Koleksi Terhad**

Koleksi terhad adalah terbitan yang dihadkan edarannya oleh penerbit bahan tersebut. Ia boleh dirujuk setelah mendapat kebenaran bertulis dari penerbit bahan tersebut.

## **Aras 10**

### **Koleksi Fana**

Merangkumi bahan yang dicetak sekali sahaja (ephemeral) seperti poskad, brosur, buku program/atur cara, poster, setem, sampul surat dan seumpamanya yang diperoleh dari institusi atau organisasi luar. Bahan ini boleh dirujuk oleh kakitangan dan juga agensi-agensi luar.

## **Level 9**

### **Banned Collection**

*The Banned collection consists of materials that are considered subversive, obscene, deviationist teachings, and other topics that are contrary to the ethics and moral values of Malaysians society. These materials have been banned by the Ministry of Home Affairs. This collection is only available with written permission from the Ministry of Home Affairs.*

### **Confidential Collection**

*This is a collection of publications by Government agencies, private sector and other organisations that are not for public distribution. This collection is only available for research with the written or permission from publishing organisation.*

### **Restricted Collection**

*This collection comprises publications that have a restricted circulations imposed on them by their publishers. This collection can be made available upon getting permission from the publisher.*

## **Level 10**

### **Ephemeral Collection**

*This collection encompasses materials that are one-off productions such as postcards, brochures, programmes book, posters, stamps and first day cover etc. which are acquired from other institutions and organisations.*

### Koleksi Nadir

Bahan ini merangkumi terbitan dari dalam dan luar negara yang diterbitkan sebelum 1900 dan terbitan habis cetak yang tiada lagi dalam pasaran. Koleksi ini adalah tertutup dan boleh dirujuk dengan kebenaran Penasihat Pembaca.

### Koleksi Peribadi

Ia merupakan koleksi persendirian tokoh atau individu tertentu yang diperolehi untuk pemeliharaan, penyelidikan dan rujukan penyelidikan. Ia mengandungi Koleksi Abdul Rahman Al Ahmadi, John Bastin, Aziz Jahpin, Che Ismail Che Daud, Pak Sako, A.Halim Nasir, Cerita Cina Peranakan, Mohd Idris Kamaruddin, Naharuddin Haji Ali, Zaid Ibrahim, Rossem (Rosidi Semail), Zainal Buang Hussein dan Bung Karim. Koleksi ini merupakan koleksi tertutup. Koleksi ini boleh dirujuk dengan kebenaran Penasihat Pembaca.

### Rare Collection

*This collection consists of publications pre-dating the year 1900 and out-print materials that were published either in this country or overseas and others. This is close collection and can only be accessed with the permission of the Reader's Advisor.*

### Personal Collection

*This is a collection of private materials from selected personalities or individuals for the purpose of conservation, research and reference. It consists of the Abdul Rahman Al Ahmadi collection, John Bastin, Aziz Jahpin, Che Ismail Che Daud, Pak Sako, A.Halim Nasir, Cerita Cina Peranakan, Mohd Idris Kamaruddin, Naharuddin Haji Ali, Zaid Ibrahim, Rossem (Rosidi Semail), Zainal Buang Hussein and Bung Karim. This collection can be accessed with the permission of the Reader's Advisor.*



## Aras 11

### Koleksi Manuskrip Melayu

Manuskrip Melayu ialah karya yang bertulis tangan dalam tulisan Jawi yang dihasilkan dalam lingkungan awal kurun ke-16 sehingga awal kurun ke-20. Ilmu yang terakam dalam manuskrip Melayu merangkumi pelbagai bidang perkara seperti kesusasteraan, sejarah, kitab agama, perubatan, undang-undang, ketatanegaraan serta azimat dan petua. PNM merupakan Pusat Manuskrip Melayu terbesar di dunia. Sehingga Disember 2011, jumlah koleksi manuskrip Melayu adalah sebanyak 4,400 naskhah. Salinan mikrofilem manuskrip Melayu disediakan sebagai rujukan, sementara manuskrip asal boleh dirujuk dengan permohonan khas.



## Aras 6 – 11A

### Pusat Penyimpanan Koleksi Perpustakaan

Pusat Penyimpanan Koleksi Perpustakaan mampu menampung sehingga 1 juta koleksi perpustakaan. Keunikannya adalah pembinaan 9 tingkat rak penyimpanan buku berkonsepkan reka dan bina dengan jumlah 15,275 meter persegi yang dibina di dalam ruangan sedia ada berketinggian 6 tingkat.

## Level 11

### Malay Manuscripts Collection

The Malay Manuscripts are works written in the Jawi script and were produced between the early 16th and 20th century. The Malay Manuscripts cover a diverse field of knowledge including literature, history, religious scriptures, medicine, law, etiquette, as well as charms and tips. NLM is the biggest repository for Malay Manuscripts in the world. Up to December 2011, the total collection of Malay Manuscripts were 4,400 volumes. Microfilmed copies of the manuscripts are available for reference while original manuscripts can only be refer with special permission.

## Level 6-11A

### Library Storage Centre

Central Library Storage Library holds up to 1 million library collections. The uniqueness of the construction is a 9-storey design storage shelves of built-in and built-up books with a total of 15,275 square meters built in existing 6-storey high floor space.